



8H6M

AFRIKA SELATAN

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

TOUR CODE:
WJC06-SQ



**KIRSTENBOSCH BOTANICAL GARDENS ADALAH TAMAN BOTANI
NEGARA YANG DIKTIRAF SEBAGAI SALAH SATU TAMAN
TERPENTING DI DUNIA SEJAK TAHUN 1913 LAGI.**

8H6M

AFRIKA SELATAN

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVELTOUR CODE:
WJC06-SQ

HARI 01 KUALA LUMPUR - MAURITIUS - CAPE TOWN

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Capetown. Transit di Mauritius (Sir Seewoosagur Ramgoolam International Airport) Tiba di Cape Town dan bergerak ke hotel. Bermalam di **Cape Town**.

HARI 02 CAPE TOWN

SP/MT/MM

Lawatan di **Cape Town**:

- **Table Mountain Aerial Cable Way**: Menaiki cable car menuju ke puncak Table Mt. yang dibina sejak 1929. Hanya 5 minit untuk tiba di puncak, pengunjung dapat menikmati panorama 360 darjah kota tepi laut dan bandar Cape Town dari ketinggian 1000m dari aras laut. Aktiviti ini dapat dilakukan sekiranya cuaca mengizinkan.
- Melawat **Muzium Bo-Kaap** juga dikenali sebagai Malay Quarter. Kawasan ini terkenal dengan deretan rumah berwarna warni dan penduduk berbilang bangsa. Penduduk Cape Malay yang masih mengekalkan identiti dan budaya Melayu antara tarikan utama.
- **Kirstenbosch Botanical Gardens**: Taman Botani Negara yang merupakan salah satu taman botani yang terpenting di dunia sejak tahun 1913. Terletak di lereng timur Table Mountain, terdapat ribuan jenis spesies flora di sini dan tetamu boleh merentasi taman ini dengan melalui Centenary Tree Canopy Walkway.
- Melawat **Diamond Factory** untuk melihat pembuatan dan ukiran batu berlian.
- **Ostrich Ranch**: Pengunjung berpeluang untuk mendekati dan melihat sendiri secara dekat burung unta. Pengunjung boleh menikmati aktiviti menarik seperti menunggang burung unta, kawasan pembiakan dan membeli produk-produk unik yang dihasilkan daripada burung unta.

Bermalam di **Cape Town**.

HARI 03 CAPE TOWN

SP/MT/MM

- Melawat di sekitar **Cape Peninsula**. Menikmati pemandangan indah di sepanjang perjalanan merentasi Sea point, Clifton Beach & Llandudno. Pengunjung juga dapat melihat pergunungan Twelve Apostles dan bergambar di Camps Bay & Hout Bay sebuah perkampungan nelayan.
- **Circe Seal Island Cruise**: Menaiki bot untuk menikmati pemandangan hutan Kelp dan hidupan laut di Pulau Duiker/Pulau Seal. Pengunjung juga dapat melihat lebih dekat anjing laut dan habitat semulajadinya.
- **Chapman's Peak**: Terletak di antara Noordhoek dan Hout Bay. Menawarkan pemandangan 180 darjah yang menakjubkan, pengunjung boleh berhenti dan mengambil gambar pemandangan yang sangat indah di atas Puncak Chapman.
- **Cape of Good Hope National Park**: Merupakan titik penghujung Benua Afrika, terkenal dengan laluan pedagang antara Eropah dan Asia. Tanjung ini dikelilingi oleh pantai, teluk, dan tebing, menjadikannya lokasi yang popular untuk dikunjungi.
- **Boulders Beach Penguins**: Ia adalah pantai terlindung yang terdiri daripada batu granit dan perairan yang jernih. Kawasan ini adalah penempatan kelompok terbesar penguin Afrika yang semakin pupus. Pengunjung boleh melihat penguin dari dekat sambil menikmati pemandangan yang indah.

Bermalam di **Cape Town**.

HARI 04 CAPE TOWN

SP/MT/MM

- **Hermanus**: Masa bebas di Hermanus Bay sebuah bandar di pantai yang mempunyai infrastruktur moden dan juga kedai-kedai mewah. Pengunjung berpeluang untuk melihat ikan paus yang bebas berenang dan pada bulan Jun dan November setiap tahun, Ikan paus Southern Right, ikan paus Bryde & Humpback datang untuk membiak di kawasan teluk pantai. Bermalam di **Cape Town**.

HARI 05 CAPE TOWN - GAME LODGE

SP/MT/MM

Menaiki penerbangan domestik ke Johannesburg. Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Johannesburg dan bergerak ke Game Lodge.

Lawatan di **Game Lodge** pada waktu petang:

- **Game Lodge**: Menawarkan pengalaman safari yang luar biasa. Lodge ini menyediakan persekitaran yang selesa dan mewah, di mana pengunjung dapat menikmati pemandangan semulajadi sambil menyaksikan pelbagai haiwan liar, termasuk Big Five (singa, gajah, kerbau, harimau, dan badak). Bermalam di **Game Lodge**.

HARI 06 GAME LODGE - JOHANNESBURG

SP/MT/MM

- Melawat sekitar Game Lodge untuk kali kedua bagi melihat haiwan-haiwan diurnal yang aktif pada waktu pagi.
- Melawat **Union Building**, Seat of National Government yang juga merupakan South African National Heritage Site.
- Singgah bergambar di Voortrekker Monument tapak warisan sejarah Afrika Selatan yang menjadi simbol perjuangan etnik Afrikaans dalam mengasaskan tanah air mereka.
- Menghayati senibina bangunan lama **Church Square** yang direka oleh William Hawke. Merupakan bangunan penting dari segi sejarah dan seni bina.
- Menikmati panorama seni bina **Carlton Centre and High Court**.
- **Mandela Square**: Nelson Mandela, yang menjadi simbol perjuangan dan warisan beliau. Merupakan destinasi popular oleh kedai, restoran, dan pejabat, Mandela Square City Mall yang merupakan pusat beli-belah mewah di Johannesburg yang menawarkan pelbagai jenama antarabangsa.

Bermalam di **Johannesburg**.

HARI 07 JOHANNESBURG - MAURITIUS

SP

Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur. Transit di Mauritius.

HARI 08 KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Kuala Lumpur

PERTUKARAN MATA WANG



USD 1 =
MYR 4.70



RAND R1 =
MYR 0.25



PERBEZAAN WAKTU

South Africa: GMT+6
Malaysia: GMT+8



Musim Panas:

Disember - Feb



Musim Luruh:

Mac - Mei



Musim Sejuk:

Jun - Ogos



Musim Bunga:

September - Ogos



TOUR HIGHLIGHTS

1.



OSTRICH RANCH

Pengunjung berpeluang untuk mendekati dan melihat sendiri secara dekat burung unta. Pengunjung boleh menikmati aktiviti menarik seperti menunggang burung unta.

2.



CIRCE SEAL ISLAND CRUISE

Menaiki bot untuk menikmati pemandangan hutan Kelp dan hidupan laut di Pulau Duiker/Pulau Seal.

3.



HERMANUS

Pengunjung berpeluang untuk melihat ikan paus yang bebas berenang dan pada bulan Jun dan November setiap tahun, Ikan paus Southern Right, ikan paus Bryde & Humpback datang untuk membiak di kawasan teluk pantai.

4.



GAME LODGE

Safari yang terletak di tengah-tengah Waterberg Biosphere di Wilayah Limpopo Afrika Selatan, menawarkan pengalaman safari yang luar biasa.

Hotel Penginapan 3* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Cape Town	4 Mlm
Mabula Game	1 mlm
Johannesburg	1 Mlm

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 4* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Domestic flight dari Cape Town ke Johannesburg.
- Bayaran masuk ke tempat lawatan mengikut aturcara :
 - Game Lodge (Cape Town/Johannesburg)
 - Ostrich Ranch
 - Table Mountain Aerial Cable Way
 - Kirstenbosch Botanical Gardens
 - Circe Seal Island Cruise
 - Bo-Kaap and Malay Quarters
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MK 647	KUL - MRU	1250	1600
1	MK 843	MRU - CPT	1745	2150
7	MK 852	JNB - MRU	1310	1910
7	MK 646	MRU - KUL	2255	1015+1

Harga Pakej Tak Termasuk

- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.